

Pemandu lori mengaku rogol remaja bawah umur dipenjara 10 tahun dan enam sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan enam sebatan terhadap seorang pemandu lori berusia 28 tahun yang mengaku bersalah merogol remaja perempuan berusia 15 tahun sehingga mangsa hamil lima bulan.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menetapkan demikian terhadap Safri Jaini yang didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanak Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Noorhisham turut mengenakan pengawasan polis selama tiga tahun terhadap tertuduh selepas selesai menjalani hukuman penjara, selari dengan Seksyen 27(1) Akta Kesalahan-Kesalahan

Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Beliau juga mengarahkan tertuduh menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh tahananannya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26(1) SOACA 2017.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan kesalahan tersebut pada November 2025 di sebuah hotel bajet di Jalan Batu Kawa New Township di sini.

Berdasarkan keterangan kes, remaja perempuan tersebut (pengadu) berasa tidak selesa di bahagian perut pada 8 Jun 2026 dan seterusnya pergi ke klinik kesihatan untuk membuat pemeriksaan.

Hasil pemeriksaan mendapati pengadu telah mengandung kira-kira lima bulan dan dia yang ketika kejadian

berusia bawah 16 tahun dinasihatkan supaya membuat laporan polis.

Berikutan itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan tertuduh 15 Jun 2026.

Siasatan lanjut mendapati tertuduh dan pengadu berkenalan pada Julai 2025 sebelum menjalinkan hubungan dan dilaporkan beberapa kali melakukan hubungan seks di sebuah hotel bajet.

Sejak November 2025, pengadu tidak lagi berhubung dengan tertuduh, bahkan pengadu menukar nombor telefonnya pada penghujung Disember 2025.

Sepanjang hubungan tersebut juga, pengadu beberapa kali melakukan ujian kehamilan menggunakan kit ujian sendiri, namun keputusan yang diperoleh adalah

negatif.

Bagaimanapun, pada penghujung Januari 2026, pengadu mendapati dirinya mengandung, yang kemudiannya disahkan menerusi pemeriksaan di sebuah klinik kesihatan pada 8 Jun lalu selepas mengalami sakit perut.

Sebelum dijatuhkan hukuman, tertuduh yang tidak diwakili peguam hanya membuat rayuan ringkas dengan memohon hukuman dengan atas alasan dia menyesali perbuatannya, serta perlu menanggung ibu bapanya yang telah lanjut usia dan enam adik-beradiknya.

Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng bagaimanapun memohon agar mahkamah menjatuhkan hukuman berbentuk pencegahan.

Menurutnya, undang-un-

dang rogol statutori berasaskan prinsip bahawa remaja perempuan berusia bawah 16 tahun tidak mempunyai kemampuan dari segi undang-undang untuk memberikan persetujuan terhadap sebarang bentuk aktiviti seksual.

Beliau berhujah bahawa golongan tersebut masih belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi serta mudah terdedah kepada manipulasi, pujukan atau eksploitasi oleh pihak lain.

Selain itu, Chuah turut memohon mahkamah mengambil maklum bahawa sebanyak 21,114 kes kehamilan melibatkan remaja tidak berkahwin berusia 19 tahun ke bawah direkodkan di negara ini antara tahun 2019 hingga 2024 berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia.